



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 4 NOVEMBER (ISNIN)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGOR KINI	• KERJA STABIL TANAH RUNTUH TAMAN WAWASAN SELESAI PENDUDUK DIBENAR PULANG
2.	SINAR HARIAN	• TANAH RUNTUH BUKIT WAWASAN : KAWASAN TERJEJAS DIISYTIHAR SELAMAT DIDIAMI
3.	HARIAN METRO	• TANAH RUNTUH BUKIT WAWASAN : KAWASAN TERJEJAS DIISYTIHAR SELAMAT DIDIAMI
4.	BERITA HARIAN	• TANAH RUNTUH BUKIT WAWASAN : KAWASAN TERJEJAS DIISYTIHAR SELAMAT DIDIAMI
5.	UTUSAN MALAYSIA	• RUMAH DI TAMAN WAWASAN BOLEH DIDIAMI
6.	KOSMO	• TAMAN WAWASAN KINI BEBAS TANAH RUNTUH • KOS BAIK PULIH TAMAN WAWASAN RM12.12 JUTA
7.	ASTRO AWANI	• TANAH RUNTUH BUKIT WAWASAN : KAWASAN TERJEJAS DIISYTIHAR SELAMAT DIDIAMI
8.	THE STAR	• HOUSE REPAIRS AFFECTED BY TAMAN WAWASAN LANDSLIDE COMPLETE
9.	BERNAMA	• TAMAN WAWASAN COLLAPSE : AREA DECLARED SAFE TO LIVE IN FROM NOV 1
10.	NEW STRAITS TIMES	• TAMAN WAWASAN LANDSLIDE AREA DECLARED SAFE FOR RESIDENTS TO RETURN

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
11.	SINAR HARIAN	• KERJA PEMBAIKAN CERUN SIAP, SEMBILAN KELUARGA DIBENAR PULANG
12.	UTUSAN MALAYSIA	• RUMAH DI TAMAN WAWASAN BOLEH DIDIAMI

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
13.	KOSMO	DBKL	• PELAWAAN PERMOHONAN TAPAK BAZAR RAMADAN DIBATALKAN
14.	THE STAR	MBPJ MBSA MBDK DBKL	• WHEN PARKING BAYS BECOME DINING SPACE • EIGHT-YEAR DELAY IN HANDOVER OF KL PARK
15.	NEW STRAITS TIMES	DBKL	• STALLS OWNED BY FOREIGNERS SEIZED
16.	HARIAN METRO	DBKL MBPJ	• DBKL SITA 9 GERAJ PENJAJA WARGA ASING • MEDAN SELERA SEKSYEN 14, PETALING JAYA LENGKANG • HARGA MAKANAN, MINUMAN MURAH, SEDAP
17.	BERITA HARIAN	DBKL	• JPS GUNA STRATEGI BAHARU BINA TAKUNGAN AIR BAWAH TANAH

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
18.	THE STAR	• SELANGOR LOOKING TO SPORTS TOURISM TO BOOST FIGURES • S'GOR TO ENFORCE ZERO DISCHARGE POLICY FROM JANUARY
19.	KOSMO	• 8 JUTA PELANCONG MELAWAT SELANGOR TAHUN DEPAN
20.	HARIAN METRO	• BERSAMA-SAMA JAGA KEMUDAHAN GERAJ
21.	BERITA HARIAN	• 'LEMBAH KLANG TENGGELAM JIKA 4 JUTA METER PADU AIR TIDAK DILENCONGKAN
22.	UTUSAN MALAYSIA	• PELAN SELESAI KESESAKAN 2030 DIJANGKA SUKAR DICAPAI • BANDAR PINTAR TINGKAT KUALITI HIDUP PENDUDUK • BANDAR PINTAR PERLU DANA BESAR, LIBATKAN PELABUR
23.	NEW STRAITS TIMES	• STALLS OWNED BY FOREIGNERS SEIZED
24.	THE SUN	• S'GOR FAIR OFFERS TOURISM PACKAGES WORTH RM200,000



Ahli Dewan Negeri Kinrara Ng Sze Han meninjau kawasan yang siap dibaiki akibat tanah runtuh di Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Subang Jaya pada 1 November 2024. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR

Kerja stabil tanah runtuh Taman Wawasan selesai, penduduk dibenar pulang

SUBANG JAYA, 1 NOV: Kerja penstabilan cerun di kawasan tanah runtuh di Taman Wawasan, di sini selesai sepenuhnya pada 28 Oktober lalu.

Ahli Dewan Negeri Kinrara Ng Sze Han berkata projek menelan belanja RM12.2 juta yang ditanggung sepenuhnya oleh pemaju Wawasan Indera Sdn Bhd melibatkan dua fasa.



"Pada fasa penstabilan sementara bermula 17 Disember 2023 hingga 20 Februari 2024 melibatkan pembaikan longkang monsun sepanjang 83 meter dan pemasangan 775 batang cerucuk kepingan keluli.

"Seterusnya, fasa penstabilan kekal sejak 13 Mei hingga 24 Oktober membabitkan pembinaan semula struktur jalan, longkang monsun, pembaikan kerosakan struktur rumah yang terkesan," katanya pada sidang media di sini, hari ini.



Ahli Dewan Negeri Kinrara Ng Sze Han (dua, kanan) diringi Timbalan Yang Dipertua Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) Zukurnain Che Ali diberi penerangan oleh Pengarah Kejuruteraan MBSJ Ir Dr Mohd Aniffuddin Kamari selepas sidang media pengistiharan bebas bencana dan insiden tanah runtuh di Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Subang Jaya pada 1 November 2024. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR

Beliau yang juga EXCO mobiliti memberitahu semua penduduk yang terjejas dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing bermula hari ini.

Jelasnya lagi, kawasan kejadian ini disyiharkan bebas bencana setelah mengambil kira pandangan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Petaling dan meneliti laporan Bahagian Kejuteraan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

"Sepanjang kerja pembaikan, MBSJ menyediakan pusat penempatan sementara di Pangsapuri Permata Sarim Taman Wawasan yang disediakan MBSJ.

"Selebihnya iaitu menginap di hotel dan tinggal bersama keluarga lain. Namun, mereka telah pulang ke kediaman masing-masing hari ini," kongsinya.

Pada 16 Disember, seramai 29 penghuni di sembilan rumah teres kawasan berkenaan **diarah berpindah atas faktor keselamatan**, susulan kejadian tanah runtuh berhampiran kediaman mereka.

Kejadian tanah runtuh yang berlaku di Jalan Wawasan 3/9 dan 3/14 kira-kira 7.30 malam turut menyebabkan empat kenderaan tertimbus namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.



Keadaan tanah runtuh yang turut menyebabkan kerosakan sebuah kereta yang diletakkan di hadapan rumah di Taman Wawasan 3, Puchong pada 16 Disember 2023. Foto Facebook Ng Sze Han

Tanah runtuh Bukit Wawasan: Kawasan terjejas diisytihar selamat didiami



Sze Han (tiga dari kiri) meninjau kawasan tanah runtuh Taman Wawasan yang telah siap dibaiki pulih.

PUCHONG - [DIKEMAS KINI] Sembilan keluarga yang diarahkan mengosongkan kediaman Disember lalu susulan kejadian tanah runtuh di Taman Wawasan di sini dibenarkan pulang selepas kerja pengukuhan cerun dan pembinaan semula longkang monsun siap sepenuhnya Oktober lalu.

Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor, Ng Sze Han berkata, kos keseluruhan pemulihan berjumlah RM12.2 juta ditanggung oleh pemaju bagi kerja penstabilan sementara dan kekal.

Menurutnya, lawatan tapak oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan agensi teknikal pada 28 Oktober lalu mengesahkan kawasan tersebut selamat untuk diduduki serta bebas daripada bencana.

"Dalam kejadian 16 Disember lalu, kejadian tanah runtuh melibatkan kawasan longkang monsun sedia ada dan cerun berlaku susulan intensiti hujan yang sangat tinggi 95.5 milimeter (mm).

"Insiden ini telah melibatkan runtuhan seluas 2.18 ekar (0.88 hektar) dan mengakibatkan sembilan rumah terjejas termasuk empat kenderaan turut terjerumus ke dalam runtuhan namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan," katanya menerusi sidang akhbar di lokasi pada Jumaat.



Sze Han (dua dari kanan) meninjau cerun Taman Wawasan yang siap dibaiki membabitkan kos keseluruhan berjumlah RM12.2 juta.

Tanah runtuh Bukit Wawasan: Kawasan terjejas diisytihar selamat didiami



KEJADIAN tanah runtuh di Taman Wawasan, Puchong. FOTO Aizuddin Saad.

Puchong: Kawasan kejadian tanah runtuh yang berlaku pada 16 Disember tahun lalu di Taman Wawasan, di sini sudah boleh kembali didiami oleh penghuni sembilan kediaman yang terjejas berikutan insiden itu.

Perkara itu dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Petaling Huzunul Khaidil Mohammed selepas lawatan rasmi bersama-sama pelbagai agensi berkaitan pada 28 Oktober lalu.

Bellau berkata keputusan mengisytiharkan Taman Wawasan sebagai bebas bencana dan insiden tanah runtuh dibuat berdasarkan pandangan dan nasihat yang diterima daripada agensi terlibat, selain mengambil kira laporan teknikal daripada Bahagian Kejuruteraan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

"Saya mengisytiharkan kawasan Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Puchong bebas bencana tanah runtuh dan semua keluarga terlibat boleh berpindah masuk ke kediaman masing-masing berkuat kuasa hari ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Kinrara Ng Sze Han berkata kos keseluruhan kerja-kerja pembaikan kawasan tanah runtuh itu berjumlah RM12.12 juta melibatkan dua fasa utama iaitu penstabilan sementara dan penstabilan kekal, bermula dari 17 Disember 2023 hingga 24 Oktober 2024.

"Pada 17 Disember 2023, MBSJ telah melantik kontraktor untuk melakukan kerja penstabilan sementara bagi memasang cerucuk keluli di kawasan runtuhan dan pembaikan longkang monsun itu sepanjang 83 meter.

"Pada 15 Mei 2024, kerja penstabilan kekal telah bermula dan mengambil masa lebih kurang enam bulan... siap sepenuhnya dalam tempoh kurang dari satu tahun untuk kawasan runtuhan yang besar, yang turut melibatkan pembinaan 'gabion wall' dan penstabilan semula cerun," kata Ng yang juga Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor pada sidang media perkara berkenaan di sini hari ini.

Bellau berkata sebelum ini terdapat empat keluarga memilih untuk tinggal sementara di kuarters MBSJ manakala lima lagi memilih menetap bersama saudara dan kini semua penghuni sembilan rumah boleh kembali ke kediaman mereka.

"Saya sudah dimaklumkan pada masa ini semua penduduk sedang sibuk membersihkan kediaman mereka untuk berpindah kembali dalam masa terdekat.

"Kediaman mereka dijamin selamat dan boleh kembali bila-bila masa bermula hari ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBSJ Dr Mohd Ariffuddin Kamari berkata untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan penyiasatan di tapak runtuhan, pihak MBSJ sudah mengarahkan pemaju dan pemilik tanah memeriksa kesemua keadaan.

"Pihak MBSJ juga mengarahkan pemaju dan pemilik tanah untuk menyemak parit utama serta semakan berkala di sepanjang jajaran parit utama dari Tasik Wawasan ke Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan ia masih lagi kukuh," katanya.

Pada 16 Disember 2023, kejadian tanah runtuh melibatkan kawasan longkang monsun sedia ada dan cerun di kawasan tersebut berlaku susulan intensiti hujan yang sangat tinggi, 95.5 milimeter (mm).

Insiden telah melibatkan runtuhan seluas 0.872 hektar dan mengakibatkan sembilan rumah terjejas dengan penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Serbaguna MBSJ, Laman Puteri 3, di sini.

Sebanyak empat kenderaan turut tertimbus dalam runtuhan, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Tanah runtuh Bukit Wawasan: kawasan terjejas diisytiharkan selama didiami



Kejadian tanah runtuh di Taman Wawasan, Puchong. - Foto Alzuddin Saad.

PUCHONG: Kawasan kejadian tanah runtuh pada 16 Disember tahun lalu di Taman Wawasan, di sini sudah boleh kembali didiami oleh penghuni sembilan kediaman yang terjejas berikutan insiden itu.

Perkara itu dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Petaling, Huzunul Khaidil Mohammed selepas lawatan rasmi bersama-sama pelbagai agensi berkaitan pada 28 Oktober lalu.

Beliau berkata, keputusan mengisytiharkan Taman Wawasan sebagai bebas bencana dan insiden tanah runtuh dibuat berdasarkan pandangan dan nasihat yang diterima daripada agensi terbabit selain mengambil kira laporan teknikal daripada Bahagian Kejuruteraan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

"Saya mengisytiharkan kawasan Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Puchong bebas bencana tanah runtuh dan semua keluarga terlibat boleh berpindah masuk ke kediaman masing-masing berkuat kuasa hari ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Kinrara, Ng Sze Han berkata, kos keseluruhan kerja pembaikan kawasan tanah runtuh itu berjumlah RM12.12 juta membabitkan dua fasa utama iaitu penstabilan sementara dan penstabilan kekal, bermula dari 17 Dis 2023 hingga 24 Okt 2024.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Kinrara, Ng Sze Han berkata, kos keseluruhan kerja pembaikan kawasan tanah runtuh itu berjumlah RM12.12 juta membabitkan dua fasa utama iaitu penstabilan sementara dan penstabilan kekal, bermula dari 17 Dis 2023 hingga 24 Okt 2024.

"Pada 15 Mei 2024, kerja penstabilan kekal telah bermula dan mengambil masa lebih kurang enam bulan... siap sepenuhnya dalam tempoh kurang dari satu tahun untuk kawasan runtuhan yang besar, yang turut melibatkan pembinaan 'gabion wall' dan penstabilan semula cerun," kata Sze Han yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor pada sidang media perkara berkenaan di sini hari ini.

Beliau berkata, sebelum ini terdapat empat keluarga memilih untuk tinggal sementara di kuarters MBSJ manakala lima lagi memilih menetap bersama saudara dan kini semua penghuni sembilan rumah boleh kembali ke kediaman mereka.

"Saya sudah dimaklumkan pada masa ini semua penduduk sedang sibuk membersihkan kediaman mereka untuk berpindah kembali dalam masa terdekat. Kediaman mereka dijamin selamat dan boleh kembali bila-bila masa bermula hari ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBSJ Dr Mohd Ariffuddin Kamari berkata, untuk kerja penyelenggaraan dan penyiataan di tapak runtuh, pihak MBSJ sudah mengarahkan pemaju dan pemilik tanah memeriksa kesemua keadaan.

"Pihak MBSJ juga mengarahkan pemaju dan pemilik tanah untuk menyemak parit utama serta semakan berkala di sepanjang jajaran parit utama dari Tasik Wawasan ke Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan ia masih lagi kukuh," katanya.

Pada 16 Disember 2023, kejadian tanah runtuh membabitkan kawasan longkang monsun sedia ada dan cerun di kawasan tersebut berlaku susulan intensiti hujan yang sangat tinggi, 95.5 milimeter (mm).

Insiden sudah membabitkan runtuh seluas 0.872 hektar dan mengakibatkan sembilan rumah terjejas dengan penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Serbaguna MBSJ, Laman Puteri 3, di sini.

Sebanyak empat kenderaan turut tertimbus dalam runtuh, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan. - BERNAMA

Rumah di Taman Wawasan boleh didiami



Ng Sze Han (dua kanan) bercakap dalam sidang akhbar mengenai pemindahan kembali penduduk Taman Wawasan susulan kejadian tanah runtuh yang berlaku di Jalan Wawasan, Pusat Bandar Puchong, semalam. - UTUSAN/SYAKIR BADIN

SERDANG: Kawasan kejadian tanah runtuh yang berlaku pada 16 Disember di Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Puchong di sini sudah boleh didiami oleh sembilan buah keluarga yang terlibat.

Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor, Ng Sze Han berkata, semua sembilan rumah terabit telah disiapkan sepenuhnya dan keadaan tapak kini diisytiharkan kawasan bebas bencana.

"Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) juga telah memberikan pengesahan bahawa kawasan tersebut selamat diduduki lanjutan laporan pengesahan keselamatan dari lawatan tapak ini.

"Kos pembaikan tanah runtuh dan bina semula rumah-rumah tersebut menelan belanja sebanyak RM12.12 juta yang ditanggung oleh pemaju, Wawasan Indera Sdn. Bhd.," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Puchong yang turut dihadiri oleh Timbalan Datuk Bandar Subang Jaya, Zulkurnain Che Ali dan Pengarah Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Ir. Dr. Mohd. Ariffuddin Kamari.

Jelas Ng, sementara kawasan perumahan itu dibaik pulih, penduduk yang terjejas menetap di kuarters yang disediakan pihak MBSJ dan menumpang di rumah saudara.

Sementara itu, Mohd. Ariffuddin berkata, pemulihan kekal dijalankan oleh pemaju termasuk pembinaan semula longkang monsun, penstabilan cerun, pembinaan dinding 'gabion' serta pemeriksaan struktur rumah yang terlibat.

"Pada 28 Oktober 2024, lawatan tapak oleh MBSJ serta agensi-agensi teknikal mengesahkan status selamat untuk pendudukan semula di kawasan yang telah pulih sepenuhnya.

"Pihak MBSJ juga diarahkan untuk menyemak parit utama serta semak secara berkala keadaan sepanjang jajaran parit utama dari Tasik Wawasan ke Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP).

Tambah beliau, antara skop kerja yang dijalankan adalah penstabilan semula cerun, pembinaan dinding 'gabion', membina semula jalan, perabot jalan dan longkang sisi jalan, membaiki rumah yang terjejas serta membina semula paip.

Terdahulu, pada 16 Disember 2023, kejadian tanah runtuh melibatkan kawasan longkang monsun sedia ada dan cerun di kawasan tersebut berlaku susulan intensiti hujan yang sangat tinggi, 95.5 milimeter (mm).

Insiden itu telah melibatkan runtuhan seluas 2.18 ekar dan mengakibatkan sembilan buah rumah terjejas dengan penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Serbaguna MBSJ, Laman Puteri 3, Puchong.

Taman Wawasan kini bebas tanah runtuh



Sze Han (dua dari kanan) ketika melawat tapak pada sidang media pemindahan kembali penduduk di Jalan Wawasan, Pusat Bandar Puchong hari ini. - Foto oleh SYAKIR RADIN / KOSMO!

PUCHONG – Hampir setahun kejadian tanah runtuh yang hampir meragut nyawa 50 penduduk Taman Wawasan di sini, akhirnya perumahan tersebut bebas daripada risiko bencana itu.

Perkara itu dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Petaling, Huzunul Khaidil Mohammed selepas lawatan rasmi bersama pelbagai agensi berkaitan pada 28 Oktober lalu.

Beliau berkata, keputusan mengisytiharkan Taman Wawasan sebagai bebas bencana dibuat berdasarkan pandangan dan nasihat yang diterima daripada agensi-agensi terlibat, selain mengambil kira laporan teknikal daripada Bahagian Kejuruteraan Majlis Bandaraya Subang Jaya.

“Saya mengisytiharkan kawasan Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Puchong bebas bencana tanah runtuh dan semua keluarga terlibat boleh berpindah masuk ke kediaman masing-masing berkuat kuasa hari ini,” katanya dalam kenyataan diedarkan kepada media di sini.

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan Perdagangan dan Mobiliti Selangor, Ng Sze Han turun ke Taman Wawasan di sini bagi mengadakan sidang akhbar pemindahan kembali penduduk.

Disember lalu Kosmo! melaporkan, nyawa hampir 50 penduduk Jalan Wawasan 3/9 dan 3/14, Taman Wawasan di sini nyaris melayang apabila kawasan kediaman yang didiami lebih 23 tahun lalu tiba-tiba berlaku tanah runtuh hingga ‘menelan’ jalan.

Kejadian pada pukul 7 malam pada 16 Disember itu berlaku ketika hujan lebat dan penduduk berada di rumah.

Rata-rata mereka mengatakan ia merupakan kejadian pertama sejak diduduki pada tahun 2000 dan ekoran kejadian itu, kesemua penghuni terjejas terpaksa berpindah. – KOSMO ONLINE

Kos baik pulih Taman Wawasan RM12.1 juta



Sze Han (kanan) ketika lawatan tapak pada sidang media pemindahan kembali penduduk di Jalan Wawasan, Pusat Bandar Puchong, hari ini. - Foto oleh SYAKIR RADIN / KOSMO!

PUCHONG – Projek pemulihan tanah runtuh di Taman Wawasan, di sini menelan kos sebanyak RM12.1 juta termasuk pemasangan 775 batang cerucuk kepingan keluli serta pembinaan semula struktur tanah.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan Perdagangan dan Mobiliti Selangor, Ng Sze Han, perbelanjaan tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pemilik tanah, Wawasan Indera Sdn. Bhd.

Menurutnya, projek pemulihan melibatkan dua fasa iaitu penstabilan sementara melibatkan pemasangan cerucuk keluli di kawasan runtuh dan pembaikan longkang monsun sepanjang 83 meter.

“Penstabilan kekal pula merangkumi pembinaan semula struktur jalan, longkang monsun, dinding gabion serta kajian dan pembaikan terhadap kerosakan struktur rumah dan utiliti lain yang terkesan.

“Langkah-langkah ini termasuk pembaikan rumah dan infrastruktur utiliti seperti paip di bawah tanggungjawab Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.. Projek penstabilan kekal ini bermula pada 15 Mei lalu dan dijangka mengambil masa selama enam bulan,” katanya.

Jelas beliau, Majlis Bandaraya Subang Jaya bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan tanah runtuh atau banjir yang dijangka berlaku ekoran Monsun Timur Laut yang akan tiba tidak lama lagi.

“Disebabkan iklim yang tidak menentu. Kami telah bersiap siaga sama ada kejadian banjir atau tanah runtuh,” katanya.

Disember lalu Kosmo! melaporkan, nyawa hampir 50 penduduk Jalan Wawasan 3/9 dan 3/14, Taman Wawasan nyaris melayang apabila kediaman yang didiami lebih 23 tahun lalu tiba-tiba berlaku tanah runtuh hingga ‘menelan’ jalan.

Kejadian pada pukul 7 malam, 16 Disember itu berlaku ketika hujan lebat dan penduduk berada di dalam kediaman masing-masing.

Rata-rata mereka memaklumkan ia merupakan kejadian pertama sejak tahun 2000. Ekoran kejadian itu, kesemua penghuni yang terjejas terpaksa berpindah. – KOSMO ONLINE

Tanah runtuh Bukit Wawasan: Kawasan terjejas diisytihar selamat didiami



Pada 16 Dis 2023, kejadian tanah runtuh melibatkan kawasan longkang monsun sedia ada dan cerun di kawasan tersebut berlaku susulan intensiti hujan yang sangat tinggi, 95.5 mm. - Gambar Bernama

PUCHONG: Kawasan kejadian tanah runtuh yang berlaku pada 16 Dis tahun lepas di Taman Wawasan, di sini sudah boleh kembali didiami oleh penghuni sembilan kediaman yang terjejas berikutan insiden itu.

Perkara itu dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Petaling Huzunul Khaidil Mohammed selepas lawatan rasmi bersama-sama pelbagai agensi berkaitan pada 28 Okt lepas.

Beliau berkata keputusan mengisytiharkan Taman Wawasan sebagai bebas bencana dan insiden tanah runtuh dibuat berdasarkan pandangan dan nasihat yang diterima daripada agensi terlibat, selain mengambil kira laporan teknikal daripada Bahagian Kejuruteraan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

"Saya mengisytiharkan kawasan Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Puchong bebas bencana tanah runtuh dan semua keluarga terlibat boleh berpindah masuk ke kediaman masing-masing berkuat kuasa hari ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Kinrara Ng Sze Han berkata kos keseluruhan kerja-kerja pembaikan kawasan tanah runtuh itu berjumlah RM12.12 juta melibatkan dua fasa utama iaitu penstabilan sementara dan penstabilan kekal, bermula dari 17 Dis 2023 hingga 24 Okt 2024.

"Pada 17 Dis 2023, MBSJ telah melantik kontraktor untuk melakukan kerja penstabilan sementara bagi memasang cerucuk keluli di kawasan runtuhan dan pembaikan longkang monsun itu sepanjang 83 meter.

"Pada 15 Mei 2024, kerja penstabilan kekal telah bermula dan mengambil masa lebih kurang enam bulan... siap sepenuhnya dalam tempoh kurang dari satu tahun untuk kawasan runtuhan yang besar, yang turut melibatkan pembinaan 'gabion wall' dan penstabilan semula cerun," kata Ng yang juga Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor pada sidang media perkara berkenaan di sini hari ini.

Beliau berkata sebelum ini terdapat empat keluarga memilih untuk tinggal sementara di kuarters MBSJ manakala lima lagi memilih menetap bersama saudara dan kini semua penghuni sembilan rumah boleh kembali ke kediaman mereka.

"Saya sudah dimaklumkan pada masa ini semua penduduk sedang sibuk membersihkan kediaman mereka untuk berpindah kembali dalam masa terdekat. Kediaman mereka dijamin selamat dan boleh kembali bila-bila masa bermula hari ini," katanya.

"Pihak MBSJ juga mengarahkan pemaju dan pemilik tanah untuk menyemak parit utama serta semakan berkala di sepanjang jajaran parit utama dari Tasik Wawasan ke Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan ia masih lagi kukuh," katanya.

Pada 16 Dis 2023, kejadian tanah runtuh melibatkan kawasan longkang monsun sedia ada dan cerun di kawasan tersebut berlaku susulan intensiti hujan yang sangat tinggi, 95.5 milimeter (mm).

Insiden telah melibatkan runtuh seluas 0.872 hektar dan mengakibatkan sembilan rumah terjejas dengan penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Serbaguna MBSJ, Laman Puteri 3, di sini.

Sebanyak empat kenderaan turut tertimbus dalam runtuh, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

House repairs affected by Taman Wawasan landslide complete



REPAIRS to houses affected by the Taman Wawasan landslide in Puchong, Selangor, are fully completed, says Ng Sze Han.

The Kinrara assemblyman said that affected residents could return to their homes starting Friday (Nov 1).

He said the total cost of repairs was RM12.12mil, involving two main phases at the site spanning 0.87ha.

"The cost is borne by the landowner, Wawasan Indera Sdn Bhd," he said.

Subang Jaya City Council (MBSJ) engineering department director Mohd Ariffuddin Kamari said the landslide was due to the failure of the monsoon drain and not the slope.

He said that permanent stabilisation had been made at the site.

"The scope of work carried out included slope stabilisation, construction of gabion walls and reconstruction of roads, street furniture and drainage.

"MBSJ has also instructed the landowner to check the slopes and drains from time to time," said Mohd Ariffuddin, adding that soil stability remains strong.

"Their improved design incorporates two berms, which will reduce the risk of future collapses," he said.


He noted that the previous design had only one berm.

"For existing slopes, maintenance and site investigations will be required.

"MBSJ will instruct landowners and developers to assess all conditions along the main drainage line from Tasik Wawasan to the Damansara-Puchong Expressway in Puchong," he added.

On Dec 16, 2023, a landslide at Jalan Wawasan 3/9 in Pusat Bandar Puchong, Selangor, swallowed four cars and led to the evacuation of 29 residents from nine houses.

TAMAN WAWASAN COLLAPSE: AREA DECLARED SAFE TO LIVE IN FROM NOV 1



PUCHONG, Nov 1 (Bernama) -- The area of the landslide that occurred on Dec 16 last year at Taman Wawasan here is now safe to be inhabited again by residents of the nine homes evacuated after the collapse which also swallowed four cars.

The announcement came from chairman of the Petaling District Disaster Management Committee, Huzunul Khaidil Mohammed after an official visit with various related agencies was held on Oct 28.

He said the decision to declare Taman Wawasan free from disaster and collapse was made based on the advice received from the agencies involved, besides taking into account the technical report from the engineering division of the Subang Jaya City Council (MBSJ).

"I declare the area of Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Puchong to be free from landslides and all families involved can move into their homes with effect from today," he said in a statement today.

Meanwhile, Kinrara assemblyman Ng Sze Han said the total cost of the landslide repair work amounted to RM12.12 million involving two main phases of temporary and permanent stabilisation, starting from Dec 17, 2023 until Oct 24, 2024.

"On Dec 17 last year, MBSJ appointed a contractor to carry out temporary stabilisation work to install steel piles in the rubble area and repair the 83-metre long monsoon drain.

"On May 15, 2024, permanent stabilisation work began and took approximately six months... to be fully completed in less than a year for the large rubble area, which also involved the construction of gabion walls and slope restabilisation," said the Selangor Investment, Trade and Mobility Committee chairman in a press conference here today.

According to him, previously, there were four families who chose to live temporarily in the MBSJ quarters while another five families lived with relatives and now all the residents of the nine houses can return to their homes which have been repaired.

"I have been informed now that all residents are busy cleaning their homes to move back in the near future. Their homes are guaranteed to be safe and they can return anytime starting today," Ng said.

"The MBSJ also instructed developers and landowners to check the main ditch as well as periodic checks along the main ditch line from Tasik Wawasan to the Damansara-Puchong Highway (LDP) that it stays strong," said MBSJ engineering division director Dr Mohd Ariffuddin Kamari.

On Dec 16, 2023, a landslide affecting the existing monsoon drain area and the slope occurred following a very high intensity of rainfall of 95.5 millimetres (mm).

The incident involved the collapse of an area of 0.872 hectares and resulted in nine houses affected.

-- BERNAMA

Taman Wawasan landslide area declared safe for residents to return



FILES: An aerial view of the landslide site in Taman Wawasan, Puchong on December 16, last year. - Filepic courtesy of Public Works Department

PUCHONG: The landslide site at Taman Wawasan, which saw nine homes evacuated in December 16 last year, has been officially declared safe for residents to return.

Petaling District Disaster Management Committee chairman Huzunul Khaidil Mohammed made the announcement following an inspection by multiple agencies on Oct 28.

He said the decision to lift the evacuation was made based on the advice from the agencies involved, including taking into account the technical report from the engineering division of the Subang Jaya City Council (MBSJ).

"I declare the area of Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Puchong to be free from landslides and all families involved can move into their homes with effect from today," he said in a statement today.

Meanwhile, Kinrara assemblyman Ng Sze Han said the total cost of the landslide repair work amounted to RM12.12 million which involved two main phases of temporary and permanent stabilisation, starting from Dec 17, last year until Oct 24, this year.

"On Dec 17 last year, MBSJ appointed a contractor to carry out temporary stabilisation work to install steel piles in the rubble area and repair the 83-metre long monsoon drain.

"On May 15, 2024, permanent stabilisation work began and took approximately six months... to be fully completed in less than a year for the large rubble area, which also involved the construction of gabion walls and slope restabilisation," said the Selangor Investment, Trade and Mobility Committee chairman in a press conference here today.

Previously, he said, four families decided to temporarily stay in the MBSJ quarters while another five families lived with their relatives. Now, all them can return to their respective homes which have been repaired.

"I have been informed now that all residents are busy cleaning their homes to move back soon. Their homes are guaranteed to be safe and they can return anytime starting today," Ng said.

"The MBSJ also instructed developers and landowners to check the main ditch as well as periodic checks along the main ditch line from Tasik Wawasan to the Damansara-Puchong Highway (LDP) that it stays strong," said MBSJ engineering division director Dr Mohd Ariffuddin Kamari.

The December 16 landslide, triggered by intense rainfall of 95.5 millimeters, impacted 0.872 hectares in the Taman Wawasan area, damaging nine homes and swallowing four vehicles. - Bernama

Kerja pembaikan cerun siap, sembilan keluarga dibenar pulang

PUCHONG - Sembilan keluarga yang diarahkan mengosongkan kediaman Disember tahun lalu susulan kejadian tanah runtuh di Taman Wawasan di sini dibenarkan pulang selepas kerja pengukuhan cerun dan pembinaan semula longkang monsun siap sepenuhnya Oktober lalu.

Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor, Ng Sze Han berkata, kos keseluruhan pemulihan berjumlah RM12.2 juta ditanggung oleh pemaju bagi kerja penstabilan sementara dan kekal.

Menurutnya, lawatan tapak oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan agensi teknikal pada 28 Oktober lalu mengesahkan kawasan tersebut selamat untuk diduduki serta bebas daripada bencana.

"Kejadian tanah runtuh itu melibatkan kawasan longkang monsun sedia ada dan cerun berlaku susulan intensiti hujan yang sangat tinggi 95.5 milimeter.

"Insiden ini telah melibatkan runtuh seluas 2.18 ekar (0.88 hektar) dan mengakibatkan sembilan rumah terjejas termasuk empat kenderaan turut terjerumus ke dalam runtuh namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan," katanya menerusi sidang akhbar di

lokasi pada Jumaat.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kinrara berkata, kerja penstabilan sementara membabitkan

pasang 775 cerucuk dan pembaikan longkang monsun sepanjang 83 meter.

Ujarnya, ia disusuli penstabilan kekal termasuk pembinaan semula struktur jalan, longkang monsun dan dinding gabion selain kajian serta pembaikan terhadap kerosakan struktur rumah dan utiliti lain.

Tanah runtuh Puchong:
Pemasangan cerucuk besi
dijangka siap empat hari



Laporan *Sinar Harian*
tentang kejadian runtuhan
Disember tahun lalu.



Sze Han (tiga dari kiri) meninjau kawasan tanah runtuh Taman Wawasan, Puchong yang telah siap dibaiki pulih.

SINAR HARIAN
Tarikh: 04 NOV 2024

Rumah di Taman Wawasan boleh didiami

SERDANG: Kawasan kejadian tanah runtuh yang berlaku pada 16 Disember di Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Puchong di sini sudah boleh didiami oleh sembilan buah keluarga yang terlibat.

Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor, Ng Sze Han berkata, semua sembilan rumah terbabit telah disiapkan sepenuhnya dan keadaan tapak kini diisytiharkan kawasan bebas bencana.

"Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) juga telah memberikan pengesahan bahawa kawasan tersebut selamat diduduki lanjutan laporan pengesahan keselamatan dari lawatan tapak ini.

"Kos pembaikan tanah runtuh dan bina semula rumah-rumah tersebut menelan belanja sebanyak RM12.12 juta yang ditanggung oleh pemaju, Wawasan Indera Sdn. Bhd," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Puchong yang turut dihadiri oleh Timbalan Datuk Bandar Subang Jaya, Zulkurnain Che Ali dan Pengerah Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Ir. Dr. Mohd. Ariffuddin Kamari.

Jelas Ng, sementara kawasan perumahan itu dibaik pulih, penduduk yang terjejas menetap di kuarters yang disediakan pihak MBSJ dan menumpang di rumah saudara.

Sementara itu, Mohd. Ar-

iffuddin berkata, pemulihan kekal dijalankan oleh pemaju termasuk pembinaan semula longkang monsun, penstabilan cerun, pembinaan dinding 'gabion' serta pemeriksaan struktur rumah yang terlibat.

"Pada 28 Oktober 2024, lawatan tapak oleh MBSJ serta agensi-agensi teknikal mengesahkan status selamat untuk pendudukan semula di kawasan yang telah pulih sepenuhnya.

"Pihak MBSJ juga diarahkan untuk menyemak parit utama serta semak secara berkala

keadaan sepanjang jajaran parit utama dari Tasik Wawasan ke Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP). Sehingga kini kestabilan tanah masih kukuh," katanya.

Tambah beliau, antara skop kerja yang dijalankan adalah penstabilan semula cerun, pembinaan dinding 'gabion', membina semula jalan, perabot jalan dan longkang sisi jalan, membaiki rumah yang terjejas serta membina semula paip.

Terdahulu, pada 16 Disember 2023, kejadian tanah runtuh melibatkan kawasan

monsun sedia ada dan cerun di kawasan tersebut berlaku susulan intensiti hujan yang sangat tinggi, 95.5 milimeter (mm).

Insiden itu telah melibatkan runtuh seluas 2.18 ekar dan mengakibatkan sembilan buah rumah terjejas dengan penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Serbaguna MBSJ, Laman Puteri 3, Puchong.

Empat buah kenderaan turut ditimbus tanah runtuh, selain tiada kemalangan jiwa dilaporkan.



NG Sze Han (dua kanan) bercakap dalam sidang akhbar mengenai pemindahan kembali penduduk Taman Wawasan susulan kejadian tanah runtuh yang berlaku di Jalan Wawasan, Pusat Bandar Puchong, semalam.
- UTUSAN/SYAKIR RADIN

Pelan selesai kesesakan 2030 dijangka sukar dicapai

Dari muka 1

Pada masa sama, polisi mengurangkan kesesakan lalu lintas juga menghadapi cabaran besar apabila Malaysia merupakan negara pengeluar kenderaan iaitu Proton dan Perodua.

Pakar Jalan Raya dari Jabatan Kejuruteraan Awam Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Prof. Madya Dr. Ng Choy Peng mengakui bahawa DBKL sememangnya dalam proses melaksanakan pembangunan bandar berteraskan transit (transit oriented development - TOD).

Katanya, TOD merupakan pembangunan yang mempelbagaikan penggunaan pengangkutan awam dengan pembinaan kediaman di kawasan mudah untuk diakses oleh pengangkutan rel, bas dan sebagainya.

"Sejak kebelakangan ini, pembangunan kawasan perumahan baharu banyak dilaksanakan di kawasan berhampiran pengangkutan awam supaya ia dapat mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian.

"Tetapi untuk merealisasikan sasaran menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Klang mungkin ambil masa 10 tahun lagi memandangkan masih banyak infrastruktur pengangkutan rel belum tersedia seperti Laluan Lingkaran (MRT3) dan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3).

"Pada masa sama, terdapat percanggahan yang perlu diselesaikan antara hendak menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas dengan kesinambungan industri automotif negara yang mana ia saling berkaitan dalam menyumbang kepada isu jalan raya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sejak kebelakangan ini, pembangunan kawasan perumahan baharu banyak dilaksanakan di kawasan berhampiran pengangkutan awam supaya ia dapat mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian."

NG CHOY PENG

Berdasarkan kajian Pertubuhan Pengilang Kenderaan Bermotor Antarabangsa (OICA), jumlah tersebut diperoleh hasil tinjauan pemilihan kenderaan berdaftar antara 2015 hingga 2020 di seluruh dunia.

Jepun berada di tangga teratas pemilikan kenderaan tertinggi di Asia dengan rekod 612 kenderaan berdaftar bagi setiap 1,000 orang penduduk manakala Malaysia 535 unit.

Jumlah tersebut selari dengan statistik Kementerian Pengangkutan (MOT) apabila Menteri, Anthony Loke Siew Fook di Dewan Negara pada Disember lalu mendedahkan bahawa jumlah kenderaan persendirian iaitu kereta mencatatkan bilangan tertinggi iai-

tu sebanyak 17,244,978 unit di seluruh negara.

Motosikal pula menjadi penyumbang kedua tertinggi iaitu sebanyak 16,773,112 diikuti kenderaan barangan (1,429,403); teksi (84,745); bas (64,021); kereta sewa pandu sendiri (30,318) dan kenderaan-kenderaan lain (736,410).

Bagaimanapun, berdasarkan statistik MOT itu, sebanyak 12.54 juta kenderaan persendirian dan kenderaan perkhidmatan awam sudah tidak lagi aktif.

Jumlah tersebut meliputi motosikal 8.2 juta; kereta (3 juta); bas (39,601); teksi (57,127); kereta sewa pandu sendiri (1,915); kenderaan barangan (591,625) dan lain-lain kenderaan (560,040).

Mengulas lanjut, Choy Peng berkata, perancangan bandar atau guna tanah yang tidak cekap sebagai juga menyumbang kepada kesesakan lalu lintas khususnya di Lembah Klang yang menjadi mimpi ngeri kepada pengguna lebih-lebih lagi pada waktu puncak.

"Sebagai contoh, Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dibina untuk menyelesaikan masalah lalu lintas di Jalan Klang Lama, tetapi hari ini apa yang berlaku adalah sepanjang laluan tersebut dibinanya perumahan dan sebagainya.

"Keadaan itu menyebabkan LDP sentiasa sesak tanpa mengira waktu kerana kepadatan penduduk di kawasan sekitar meningkat mendadak melebihi kemampuan ditampung infrastruktur berkenaan," katanya.

Melihatkan senario sedemikian, Choy Peng berkata, DBKL bukannya tidak bersedia hendak mencapai sasaran penyelesaian isu kesesakan lalu lintas 2030 tetapi persediaannya masih belum mencukupi.

BANDAR PINTAR TINGKAT KUALITI HIDUP PENDUDUK

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 04 NOV 2024

Oleh ZAKKINA WATI

AHMAD TARMIZI

zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

BANDAR pintar merupakan satu pembangunan penempatan manusia yang mengintegrasikan teknologi, data, infrastruktur bandar dan kelestarian alam untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk.

Pendekatan reka bentuknya perlu holistik, memeningkatkan data elemen penting untuk sesuatu pendekatan dan solusi perancangan dibuat.

Ia juga perlu fleksibel dan mudah diadaptasi berdasarkan panduan data dan kecerdasan buatan (AI).

Sehubungan itu, Pengarah VERITAS Design Group, Ar. Azril Amir Jaafar berkata, pembangunan bandar pintar perlu mempunyai infrastruktur yang baik.

"Pihak yang terlibat perlu mengelakkan mengabaikan pembinaan dan pembaikan jalan serta tempat awam.

"Selain itu, pusat pengumpulan data perlu bagi membolehkan infrastruktur untuk pengumpulan dan analisis data yang menjadikan keputusan

perancangan lebih bermakna. Lebih baik, adakan sesi penglibatan penduduk sebagai platform untuk mendapatkan maklum balas dan penglibatan dari komuniti setempat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Jelas beliau, pihak yang terlibat perlu membuat dasar yang memudahkan inovasi dan pengembangan teknologi baharu.

"Ini termasuk keselamatan dan privasi data, memastikan data yang dikumpul dilindungi dengan baik dan digunakan secara beretika," katanya.

Sebagai arkitek bertaualiah, Azril Amir berkata, infrastruktur internet yang pantas dan stabil untuk semua penduduk dan perniagaan penting dalam pembangunan bandar pintar.

"Data perlu digunakan untuk mendapat sesuatu sistem, pengangkutan yang efisien, termasuk pengangkutan awam yang pintar dan pengurusan trafik. Data juga boleh dikumpul melalui pengguna yang menggunakan sistem pengangkutan awam ini.

"Ini turut melibatkan sistem pengurusan air, tenaga,



AZRIL AMIR
JAAFAR



ADIKA HAKMI
AB. GHANI



"SELAIN ITU, PUSAT PENGUMPULAN DATA PERLU BAGI MEMBOLEHKAN INFRASTRUKTUR UNTUK PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA..."

dan sisa yang efisien dan mesra alam, sistem keselamatan awam yang canggih, termasuk pengawasan dan sistem tindak balas kecemasan, platform untuk komunikasi dan penglibatan masyarakat dalam proses perancangan bandar.

"Di samping itu, reka bentuk mesra alam seperti ruang hijau dan infrastruktur yang menggalakkan kelestarian," katanya.

Beliau menambah, inisiatif bandar pintar juga memerlukan pembiayaan yang besar tetapi keberkesannya berpotensi memberi pulangan melalui peningkatan kualiti hidup dan ekosistem perniagaan yang lebih baik.

"Walaupun projek ini mungkin mencabar dari sudut pembiayaan, jangkaan hasil jangka panjang menjadikannya sebagai pelaburan yang relevan. Kerajaan perlu memastikan ada mekanisme pembiayaan yang mencukupi serta merangsang pelaburan swasta," katanya.

Sementara itu, pekerja swasta, Adika Hakmi Ab. Ghani, 35 berkata, pembangunan bandar pintar diharap dapat mewujudkan kemudahan yang lebih baik untuk dinikmati oleh komuniti.

"Ia termasuk seperti sistem pengangkutan yang efisien, akses mudah kepada perkhidmatan awam dan ruang hijau yang mencukupi," katanya.

Bandar pintar perlu dana besar, libatkan pelabur

Dari muka 19

"Kewujudan bandar pintar ini akan menjadi penarik kepada pelaburan sama ada pelaburan langsung asing (FDI) mahupun pelaburan langsung domestik (DDI) sebagai tempat tinggal mahupun aktiviti perniagaan, bukan sahaja kepada industri teknologi tinggi tetapi juga industri lain seperti pengangkutan dan logistik, kewangan, pendidikan, pembuat, perkhidmatan.

"Hal ini kerana bandar pintar yang diterajui teknologi menjadi teras kepada semua industri sekarang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Jelas beliau, bandar pintar juga akan menjadi tempat pelaksanaan teknologi terba-

haru seperti kecerdasan buatan (AI) yang kini merupakan segmen industri teknologi maklumat (IT) yang paling berkembang.

"Masa depan AI adalah sangat baik, dengan potensi untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan inovasi merentas banyak sektor dari aspek ekonomi. AI boleh meningkatkan produktiviti dan kecekapan dengan unjuran 14 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia menjelang 2030.

"Kedudukan Malaysia yang kini menjadi penarik pelaburan besar-besaran oleh syarikat multinasional dalam pusat data di Asia Tenggara turut meletakkan bandar pin-



**AIMI ZULHAZMI
ABDUL RASHID**



**NIK MAHERAN
NIK MUHAMMAD**

tar pada asas yang baik untuk jangka panjang dari aspek guna tenaga mahir, infrastruktur dengan bekalan asas seperti elektrik dan air yang mencukupi," katanya.

Jelas Aimi Zulhazmi, kewujudan bandar pintar sememangnya memerlukan pendanaan yang besar, namun ia harus dibangunkan untuk berdaya tahan dari segi kewangan ma-

hupun dari pengurusan.

"Penglibatan pihak pedagang, perniagaan dan entiti persendirian mestilah digabungkan dalam pentadbiran bandar pintar ini.

"Komitmen jangka panjang semua pihak untuk mempunyai bandar pintar yang berdaya tahan adalah sangat mustahak

supaya tidak timbul persoalan bantuan kerajaan dalam perbelanjaan pengurusan mahupun pembangunan serta inovasi ke hadapan.

"Justeru, perlunya bandar-bandar pintar ini mempunyai kebebasan autonomi yang tersendiri," katanya.

Sementara itu, Profesor Kewangan dan Keusahawanan di Fakulti Keusahawanan dan

Perniagaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Datuk Dr. Nik Maheran Nik Muhammad berkata, bandar pintar sebagai satu langkah penting dalam mentransformasikan kehidupan bandar ke arah yang lebih efisien, berdaya tahan dan mesra alam.

"Dengan integrasi teknologi canggih seperti internet kebendaan (IoT), AI dan analisis data, bandar pintar diharapkan dapat menangani masalah bandar seperti kesesakan lalu lintas, pencemaran dan penyediaan perkhidmatan awam yang lebih baik.

"Oleh itu, kerajaan perlu membangunkan rangka kerja dasar yang kukuh yang menyokong pembangunan infrastruktur digital dan penyelidikan teknologi," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...04...NOV...2024...

8 juta pelancong melawat Selangor tahun depan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

TOURISM SELANGOR dan kerajaan negeri menyasarkan pelancong bakal mencecah lapan juta orang bersempena Tahun Melawat Selangor (TMS) 2025, sekali gus pelbagai usaha bakal digerakkan untuk mencapai misi tersebut.

Untuk itu, lebih 100 acara dan program telah dirancang di setiap daerah bersempena kempen TMS 2025.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kerajaan Tempatan dan Pelancongan, Datuk Ng Suee Lim berkata, pelbagai kempen akan ditawarkan sepanjang tahun hadapan dan Selangor bakal menjadi negeri tumpuan dalam kalangan pelancong sama ada domestik mahupun antarabangsa.

"Sokongan penuh daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta di Selangor mampu mencorakkan industri pelancongan di Malaysia.

"Ini sekali gus dapat mencapai sasaran kemasukan pelancong pada tahun depan dengan resit perbelanjaan pelancongan mencecah RM11.7 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian program Selangor Travel Fair 2024 dan prapelancongan



NG SUEE LIM (tengah) pada majlis pelancaran Selangor Travel Fair 2024 di Petaling Jaya baru-baru ini.

Kempen TMS 2025 di Sunway Pyramid, Petaling Jaya baru-baru ini.

Turut dilancarkan adalah logo baharu TMS 2025 dan lagu tema kempen iaitu *Surprising Selangor* yang disampaikan oleh penyanyi, Aizat Amdan.

Dalam masa sama, Selangor Travel Fair 2024 yang telah ber-

langsung selama tiga hari bermula 1 November lalu bersempena Tahun Melawat Selangor 2025, turut melibatkan rakan kerjasama utama iaitu Journify oleh Malaysia Aviation Group.

Suee Lim berkata, program tersebut melibatkan promosi pelancongan domestik yang me-

nawarkan pelbagai diskaun terbaik produk pelancongan khususnya persediaan untuk percutian akhir tahun.

"Pada kali ini, Tourism Selangor bekerjasama dengan pihak Journify, menawarkan pakej pelancongan bernilai lebih daripada RM200,000 sepanjang acara Selangor Travel

Fair.

"Turut dimeriahkan penyertaan lebih 20 operator produk pelancongan, antaranya adalah Splash Mania Waterpark, Skyline Luge, Jumpstreet Malaysia, HL Dragon Fruit, Farm in the City, Eastin Hotel, Avani Goldcoast Resort Sepang, Eastin Hotel," ujarnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor, Azrul Shah Mohamad berkata, sokongan daripada setiap operator produk pelancongan bagi acara itu memberi impak besar dalam misi untuk memperkenalkan kempen TMS 2025.

"Pelbagai diskaun dan pakej pelancongan daripada produk-produk operator terlibat ditawarkan kepada pengunjung dengan diskaun sehingga 50 peratus.

"Pengunjung juga berpeluang memenangi pakej pelancongan melalui cabutan bertuah, menyertai bengkel, menyaksikan persembahan kebudayaan dan persembahan daripada artis jemputan.

Acara Selangor Travel Fair 2024 yang turut mempamerkan warisan budaya, pengalaman dan tarikan baharu itu telah berjaya menarik 20,000 orang terdiri daripada pemain industri pelancongan serta orang awam.

KOSMO

04 NOV 2024

Tarikh:

Pelawaan permohonan tapak Bazar Ramadan dibatalkan – DBKL

4/11
Lomb

PETALING JAYA – Pelawaan bagi permohonan tapak Bazar Ramadan melibatkan kawasan awam di seluruh kawasan Parlimen Kuala Lumpur melibatkan seliaan penganjur bermula 23 Oktober lalu dibatalkan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan di Facebook berkata, turut dibatalkan iklan pelawaan bagi permohonan tapak Bazar Ramadan di bawah seliaan DBKL bagi tempoh sama.

"Tempat Letak Kereta Taman Tasik Permaisuri, Jalan 3/27A, Wangsa Maju Seksyen 1, UTC Sentul, Jalan Telawi 1 hingga Jalan Telawi 4, Bangsar.

"Satu pelawaan baharu akan disiarkan semula dengan melibatkan semua lokasi Bazar Ram-



GAMBAR fail peniaga beratur untuk pendaftaran nombor petak tapak bazar Ramadan tahun lalu.

adan," kata DBKL dalam satu kenyataan di Facebook semalam.

Menurut DBKL, pelawaan bagi permohonan Tapak Bazar Aidil-

fitri di bawah kendalian DBKL di Lorong Tuanku Abdul Rahman adalah sah dan tarikh tutup permohonan kekal 6 November ini.

KOSMO

04 NOV 2024

Tarikh:

Selangor looking to sports tourism to boost figures

SEPANG: Sports tourism will be included in the Selangor government's annual calendar next year to boost Visit Selangor Year 2025 themed "Surprising Selangor", says Mentri Besar Datuk Seri Amiruddin Shari.

He said various sports activities are seen as having the potential to attract more tourists from within and outside the country, to help it meet its target of eight million tourists.

"We are also considering including two events in the calendar, namely cycling and pickleball.

"In addition, for the sports tourism sector, for example, we have two paragliding sites in Jugra and Kuala Kubu Baru," he told the media after launching the Visit Selangor Year 2025 logo during a visit to the Selangor Tourism pavilion held in conjunction with the Malaysian MotoGP 2024 here yesterday, reported Bernama.

He said last year, Selangor recorded 6.45 million tourists while this year, the target is seven million.

In order to achieve the target tourist arrivals to Selangor, Amiruddin said the state government recently examined several plans, particularly in the tourism development programme that will be announced during the tabling of its 2025 budget, which is expected to be held in the middle of this month.

"We have implemented measures including restoring homestays to enable them to operate and increase their income," he said.

Regarding the Malaysian MotoGP 2024, Amiruddin said 200,000 visitors are expected to attend the last day of the motorcycling event, held over three days since Friday.

"Programmes like these will be made a model on how we want to encourage tourists to visit Selangor. To some extent, this will provide a shift to the state's tourism sector," he added.

During the three-day Malaysian MotoGP 2024, Tourism Selangor held various programmes such as extreme tourism, food and local fruit exhibitions.

THE STAR

Tarikh: 04 NOV 2024

OUTDOOR dining along pavements and roadsides remain popular in the Klang Valley despite the possible risks to diners and the inconvenience caused to other road users.

Residents said the local authorities need to keep a close eye on these eateries to ensure tables and chairs placed outside did not hinder traffic and take away much needed parking spots in the vicinity.

A resident who wanted to be known only as Kaur said one restaurant in Sea Park, Petaling Jaya had been placing stools to reserve public parking bays as early as 5.30pm.

She said besides the danger posed to diners, the operator's actions were also inconveniencing those who needed to use the ATMs at two banks nearby.

"What further concerns me is the operator placing the furniture just inches away from a busy two-way main road.

"If a driver were to suddenly swerve, the people sitting there might be hit," she said.

Kaur's fears are not entirely unfounded; there have been news reports of accidents that have maimed and killed those sitting at outdoor dining areas in the past. (see graphic)

Following mishaps involving al fresco dining areas, there were calls for the authorities to put a halt to this practice but it has continued, though subject to stricter regulations.

Regulations in place

In Selangor, there is a policy which allows the placement of tables and chairs outside eateries, with conditions.

According to a 2008 circular issued by the state government, it was implemented following the realisation that most operators, especially those who do business at night, continued to set up outdoor dining areas in front of their premises despite fines and furniture seizures.

In the circular, it was stated the reason why eatery operators did so was because their customers preferred to sit in the open air instead of inside, which was often hot and cramped.

An outdoor dining area also compensated for the lack of space indoors.

Though such permits were initially withdrawn following cases of fatal accidents involving customers, this was rescinded following the high number of requests from eateries.

In lieu of this, conditions for the issuing of temporary permits for the placing of tables for outdoor dining was imposed.

To obtain these permits, operators must abide by conditions stipulated in the circular and pay a fee of RM30 per table monthly.

When parking bays become dining space

Selangor allows eateries to set up tables, chairs on the road with local authorities giving approval on case-by-case basis



An eatery along Jalan Raya Barat in Klang has placed tables in front of its premises to increase the restaurant's capacity.

Permits and conditions

An eatery given the green light to have an outdoor dining area by the respective local authority will have a sticker which will display the company's name, number of tables and the validity period of the permit.

After 16 years, the terms imposed by the state are still in effect, though each local authority has their own criteria for approval of permits.

Petaling Jaya

Petaling Jaya City Council's (MBPJ) Licensing, Business Development and Entrepreneurs Department director Sharinaz Samsudin said they had taken proactive steps to raise awareness of the need to apply for permits when carrying out outdoor dining.

"Those who claim that they are not aware are feigning ignorance.

"This is because in 2019, we carried out a door-to-door census of 110 premises

that were required to submit applications for temporary permits for tables at outdoor dining areas. Only 14 responded," said Sharinaz.

In terms of enforcement, MBPJ issued 1,097 compounds in 2022 and 1,777 in 2023. It received 123 applications during both years, of which 37 were rejected due to non-payment of permit fees as well as failure to submit copies of their public liability insurance policies.

"To make the permit application more attractive, we came up with two incentives in December last year.

"Those setting up 10 tables and above were offered a 30% discount on the monthly fee.

"We also reduced the amount of liability insurance coverage required from RM100,000 to RM50,000," said Sharinaz.

Shah Alam

Shah Alam City Council (MBSA) deputy licensing director Mohd Rizal Johari said permits for the placing of tables and

chairs at outdoor dining areas would be valid for at least six months.

Renewal of permits has to be done at least one month before the expiry date.

In 2022, MBSA approved 36 applications. In 2023, the number went up to 57.

Klang

Klang Royal City Council (MBDK) in a statement, said only restaurants operating from shoplots with valid and active business licences were eligible to apply.

"The business owner is required to have public liability insurance if they occupy parking bays and islands.

"However, this is not required for five-foot ways or pavements."

MBDK records show from 2023 to August 2024, a total of 127 temporary permits for the placement of tables and chairs were approved.

An uptrend in permit applications was recorded in November last year following a slew of raids carried out by the council's enforcement team under the Street,



Many patrons prefer dining at a five-foot-way like this eatery in Sea Park, Petaling Jaya.



An outdoor dining permit sticker issued by MBPJ seen on a table, as required.



Patrons dining at a coffeeshop in SS2 Petaling Jaya that has approval to place additional tables and chairs outside its premises.

Accidents involving outdoor dining areas



In March 2022, 10 people were injured when a car crashed into a restaurant's outdoor dining area at Jalan Klang Lama in Kuala Lumpur. (Pic above)

In November 2018, a woman was killed and at least three others injured when a four-wheel drive skidded and ploughed into the outdoor dining section of a restaurant at Jalan Equine 9B, Taman Equine in Seri Kembangan.

In May 2003, a college student's car veered from a main road and ploughed into several diners outside a restaurant at Jalan 14/14 in Petaling Jaya. The accident killed a sales promoter, paralysed another woman and caused a man to suffer temporary amnesia. The driver was sentenced to two years' jail and fined RM8,000.



Sharinaz says MBPJ received 123 applications for outdoor dining in 2022 and 2023 of which 37 were rejected.



Keu says getting a permit is a long process and approvals are on a case-by-case basis.



MBDK environment health officer Mohamad Tarmizi Azmin with permit stickers which must be affixed to outdoor dining tables.

Drainage And Building Act 1974 in the last three months of 2023.

"Raids were carried out up to three times per week at hotspots like Bandar Bukit Tinggi 1 and Bandar Bukit Raja. "Offenders were fined up to RM250 for obstruction caused by tables and stalls.

"We had cases where business owners were more than willing to pay for the permits but public complaints over the lack of parking spaces made it difficult for the council to consider these applications."

MBDK considers each application on a case by case basis.

"For example, we may reduce an eatery's outdoor dining hours by allowing it to operate from 8pm onwards instead of starting at 6pm."

Operators who do not comply with the permit requirement but still place tables and chairs outside their premises will have their business licences cancelled, said the city council.

Stakeholders' views

SS2 Selatan Residents Association chairman Ching Leng Chu said outdoor dining in the area had become better managed in the past five years.

Before this, popular eateries would place their furniture beyond their shop fronts and even on parking bays across road.

The situation is not as haphazard now

with monitoring by the local council," he said.

However, the downside of allowing eateries to have outdoor dining areas is a possible increase in the pest population and rubbish due to improper disposal of food waste, said Ching.

Petaling Jaya Coffeeshop Association president Keu Kok Meng, which has 550 active members, said most had obtained permits to put tables and chairs on five-foot ways, while the association had helped a few of its members apply for permits.

"Permit approvals are on a case-by-case basis. Among the factors that will be looked into is the location.

"This includes whether the dining area is by a main road or a quiet street.

"Is the premises a corner or intermediate shophot? Does the shop have a good hygiene record?" he elaborated.

Keu, who owns a restaurant in SS2, speaks from experience.

After years of lobbying for approval and with help from city councillors and department heads from MBPJ, he managed to obtain a yearly permit.

This is for 20 tables to be placed on the service road running parallel to SS2/64 beside his shop at a cost of RM7,200 per year.

The tables can only be put out after 8pm. The seating area must also be cordoned off by barriers.



A worker cleaning outside a restaurant with outdoor dining in Surway Mentari, Petaling Jaya.

"In addition, traffic cones, portable speed breakers and personnel wearing reflective vests must be present for the purpose of traffic direction during operation hours," he said.

MBPJ also sent its personnel to study the traffic flow of the location for two months before approval was given.

The president of the 1,400-member strong Malaysian Indian Restaurant Owners Association, Suresh Govindsamy, said they were aware of the need to apply

for al fresco dining permits.

"Outdoor dining has become a trend in the Klang Valley especially Sentul, Bangsar, Brickfields, Kepong, Damansara, Seri Kembangan and Klang.

"Many restaurants are in favour of this move as they can serve more customers and thus, increase revenue.

"Although there were some incidents, they were largely due to driver carelessness. Otherwise, outdoor dining is generally safe," said Suresh.



Razak Mansion residents use the park which is fenced off from the main road.
- Photos: SAMUEL ONG/The Star

(From left) Residents Jagit, Tan and Lee Eng Fo standing on a waterlogged walkway at the park

y BAVANI M
avanim@thestar.com.my

PARK next to 1Razak Mansion, near Jalan Sungai Besi, Salak South, is falling into disrepair due to lack of maintenance.

Although the 0.4ha space was meant to serve residents of Razak Mansion and the surrounding community, Kuala Lumpur City Hall (DBKL), which owns the park, has yet to officially hand it over to them.

This delay has left the park in a state of limbo, without any essential maintenance or improvements.

Frustrated residents are now urging DBKL to expedite the handover, which will allow them to make full use of the park and take responsibility for its upkeep, unless the local authority plans to take it on.

1Razak Mansion's Management Corporation (MC) chairman Anthony Tan said the park was fenced off, with access only from the apartment complex.

He said apartment residents use the park frequently.

"We were informed by DBKL a few years ago that if we wanted to manage the park, the fence would remain and it would be

Eight-year delay in handover of KL park

1Razak Mansion management wants City Hall to determine status of facility in neglected state

for our use.

"If we did not wish to manage the park, we were told the fence would be removed and it would become a public park managed by City Hall.

"No one followed up with us on the matter, so I suppose we will have to write in officially to request to manage the park as it is showing signs of wear and tear," said Tan.

The park was part of the redevelopment of the 54-year-old former Razak Mansion in 2014 in a public-private partnership.

The developer was also involved in the construction of Razak City Residences next to

1Razak Mansion.

However, because of the park's unclear ownership status, residents are concerned that it could be redeveloped in the future, depriving the community of much-needed green space.

Additionally, because there has been no formal handover or clear ownership, the playground has not been maintained.

Long-time resident Jagit Singh said several lights at the playground had burned out and there were drainage issues which had resulted in waterlogging.

Another resident KC Wong expressed concern over the delay in handing over the park.

"It's been eight years since we received the keys to our apartment, so we hope that DBKL can expedite the process.

"Otherwise, the land may end up in the hands of a developer," Wong said.

The park, which was formerly the site of the old Razak Mansion includes a playground, badminton court, basketball courts and several gazebos.

During a recent visit by StarMetro, water pooling could be seen in several areas.

A DBKL spokesperson said it would investigate the reasons behind the delay in officially handing over the park.

S'gor to enforce Zero Discharge Policy from January

By LEW GUAN XI

lewguanxi@thestar.com.my

THE Zero Discharge Policy (ZDP) in Selangor is expected to be fully enforced from January, says state public health and environment committee chairman Jamaliah Jamaluddin.

She said Selangor Water Management Board (Luas) had been actively going to the ground to spread awareness.

"I have received feedback from Luas that many are walking in or calling to ask about ZDP.

"People need time to understand the policy," she said when met at the 4th Bandar Utama Badminton Cup at Sports Heroes Indoor Entertainment Park in Petaling Jaya.

Jamaliah added that Luas targeted having 15% to 30% businesses registered for the zero discharge licence this year.

These businesses would be

required to pay a fee based on their discharge levels, she said.

In a *StarMetro* Oct 4 article titled "Only 215 have registered for zero discharge licence", it was reported that some 30,000 businesses from 13 sectors were required to register for the ZDP licence.

Among sectors covered by the policy are aquaculture, development or land work, poultry, animal farms, industrial vehicle cleaning, sand mining, slaughterhouses, industrial, recreational activity, sewer management, solid waste management and water services.

ZDP, which was implemented in June, is aimed at compelling industries to recycle their effluents instead of dumping the waste into drains, rivers and water sources.

It falls under Enactment Luas 1999 (Discharge of Return Water and Entry or Discharge of Waste



Jamaliah: People need time to understand the policy.

and Pollutants (Selangor) Licensing Regulations).

Those who do not register face fines of up to RM50,000 or not more than two years' jail.

On a separate matter, Jamaliah said the state government had begun a few pilot projects in collaboration with non-government-

tal organisations (NGOs) to prepare for more ageing care initiatives next year.

"So far, the state government has accepted and funded around 10 to 15 proposals submitted by these NGOs.

"They are required to revert with their implementation details.

"We are also looking at the possibility of increasing the number of elderly care homes in Selangor to accommodate senior citizens."

She added that the state government was studying ageing care guidelines released by the Health Ministry before coming up with its own version that would not contradict federal guidelines.

On e-waste collection, Jamaliah said the results of the state government's e-waste doorstep pick-up service would be announced next year.

THE STAR

Tarikh: 4 NOV 2024



The crackdown against illegal hawkers in Medan Idaman, Gombak, was carried out by Kuala Lumpur City Hall on Saturday. PIX FROM KUALA LUMPUR CITY HALL FACEBOOK PAGE



Kuala Lumpur City Hall enforcement officers seizing the goods of an unlicensed hawker on Saturday.

UNLICENSED HAWKERS

STALLS OWNED BY FOREIGNERS SEIZED

4/11
MST

Action by KL City Hall carried out in Medan Idaman, Gombak

NOOR HIDAYAH TANZIL
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

NINE stalls believed to be owned by foreigners around Jalan Jernai 1 and Jernai 3 in Medan Idaman, Gombak, were seized by Kuala Lumpur City Hall on Saturday.

City Hall said the crackdown was carried out by its Enforcement Department in collaboration with the Wangsa Maju branch office.

It targeted foreign hawkers operating without licences.

"Nine seizures were carried out in accordance with the Licensing of Hawkers By-Laws (WPKL) 2016.

"The items have been transported to the Jalan Lombong storehouse in Taman Miharja, Cheras, for record-keeping purposes and documentation," it said on Facebook.

The statement said that the authorities would continue to take action and monitor illegal hawker hotspots.

"Public complaints can be reported or information can be submitted through the link <https://adukl.dbkl.gov.my/>," it added.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 04 NOV 2024.....

S'gor fair offers tourism packages worth RM200,000 ⁴¹¹ _{sun}

PETALING JAYA: Over RM200,000 worth of exclusive travel packages are available during a three-day Selangor Travel Fair hosted by Tourism Selangor, which kicked off on Friday in conjunction with Visit Selangor Year 2025.

Selangor Local Government and Tourism Committee chairman Datuk Ng Suee Lim said in addition to the state's rich heritage and culture, new attractions offered during the fair could shape the tourism industry in Malaysia for local and international visitors.

"The Selangor Travel Fair, which receives cooperation from Journify by the Malaysia Aviation Group, and total support from several government agencies, aims to attract up to eight million tourists next year, and achieve tourism expenditure of up to RM11.7 billion," he said at the opening ceremony and pre-launch

of the Visit Selangor Year 2025 campaign at the Orange Concourse in Sunway Pyramid on Saturday.

Also present were Tourism Selangor CEO Azrul Shah Mohamad, State Housing and Culture Committee chairman and Tourism Selangor board member Datuk Borhan Aman Shah and Tourism Malaysia deputy director-general Lee Thai Hung.

Ng said the collaboration offers discounts and attractive packages through more than 20 tourism products, adding that the state government plans to organise over 100 events next year in support of the campaign.

Selangor Travel Fair 2024 participants include SplashMania Waterpark, Skyline Luge, Jumpstreet Asia Malaysia, Farm in the City and Eastin Hotel.

The logo for the Visit Selangor Year 2025 was also launched at the event, and singer Aizat Amdan performed the theme song.

Meanwhile, Azrul Shah said various travel packages with discounts of up to 50% are offered throughout the event, adding that the travel fair is an excellent platform to boost domestic tourism.

"Selangor has recorded the highest number of visitors in Malaysia for three consecutive years, hitting 22 million domestic visitors in 2023.

"We believe that the Selangor government's mission to attract eight million tourists for Visit Selangor Year 2025 can be achieved, especially with the collaboration of government and private agencies," he added.

- Bernama

THE SUN

Tarikh: 04 NOV 2024



GERAI penjaja dipercayai milik warga asing di sekitar Jalan Jernai 1 dan Jernai 3, Medan Idaman, Gombak disita. - Gambar FACEBOOK DBKL

DBKL sita 9 gerai penjaja warga asing

Gombak: Sembilan gerai penjaja dipercayai milik warga asing di sekitar Jalan Jernai 1 dan Jernai 3, Medan Idaman di sini, disita dalam operasi dijalankan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kelmarin.

DBKL menerusi satu kenyataan berkata, operasi dilaksanakan Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Wangsa Maju membabitkan penjaja warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen.

"Dalam tindakan khas berkenaan, sebanyak sembilan tindakan sita

serta-merta dilaksanakan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

"Semua barangan yang disita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi," katanya dalam kenyataan di Facebook.

DBKL berkata, pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan semasa ke semasa di lokasi tempuan yang dikenal pasti.

"Sebarang aduan boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>," katanya.

MEDAN SELERA SEKSYEN 14, PETALING JAYA LENGANG

'Tak datang kerana tak selesa'

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin

nurul.hidayah@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Kemudahan yang tidak dibaik pulih dengan berkala menyebabkan jumlah pengunjung di Medan Selera Seksyen 14 di sini, semakin berkurangan.

Peniaga sate, Muhammad Zain Alias, 70, berkata, keadaan tidak memuaskan itu menyebabkan orang ramai tidak singgah ke medan selera berkenaan.

"Saya sudah berniaga di sini sejak ia dibuka pada 90-an iaitu lebih 30 tahun lalu. Apa yang saya nampak keadaan di sini tidak begitu selesa bagi pengunjung kerana panas selain kebersihan kurang memuaskan.

"Kawasan ini susah untuk parkir walaupun ada tempat di tingkat atas bangunan kerana sukar untuk warga emas turun ke medan selera jika lif selalu rosak," katanya ditemui di sini, semalam.

Muhammad Zain berkata, kebanyakan meja serta kerusi di medan selera itu juga sudah uzur dan rosak.

"Kami selalu utarakan masalah ini kepada pihak



SUASANA lengang di Medan Selera Seksyen 14, Petaling Jaya.

berkuasa tempatan (PBT) tetapi tiada tindakan konsisten dilakukan bagi mengatasi perkara itu.

"Diharap dengan saranan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya gerai dan kedai makan dicantikkan akan mengubah lanskap di medan selera ini," katanya.

Seorang lagi peniaga di medan selera itu, Mohamad Ishar Abdul Aziz, 44, berkata, jumlah pengunjung berkurangan di kawasan berkenaan menyebabkan waktu perniagaan mereka semakin terhad.

"Mula-mula saya berniaga minuman di sini sejak 10 tahun lalu, waktu operasi

adalah jam 10 pagi hingga 10 malam. Tetapi sekarang, jam 5 petang pun sudah tiada pengunjung.

"Kebanyakan peniaga pun sudah tutup kedai selepas jam 3 petang kerana tidak ramai pengunjung ketika itu. Selalunya waktu ramai pengunjung hanya ketika waktu berehat iaitu

antara jam 12 tengah hari hingga 2 petang," katanya.

Meskipun menyambut baik saranan Perdana Menteri bagi mencantikkan gerai dan kedai makan, dia bimbang sekiranya berlaku kenaikan harga sewa susulan inisiatif itu.

"Sekarang pun, pengunjung tidak ramai. Jika kadar

sewa dinaikkan disebabkan medan selera sudah cantik, ia akan menyusahkan peniaga.

"Justeru, saya harap inisiatif ini dilakukan tanpa kenaikan kadar sewa bagi memastikan medan selera kekal 'hidup' bukan saja bagi pengunjung tetapi juga kepada peniaga," katanya.

Harga makanan, minuman murah, sedap

Petaling Jaya: Makanan dan minuman yang murah serta sedap menyebabkan Medan Selera Seksyen 14 di sini, tetap menjadi lokasi pilihan kepada pengunjung menjamu selera bersama keluarga atau rakan.

Bagi Puteri Nor Athirah Mohd Alias, 35, dia kerap ke medan selera itu bersama rakan dan ahli keluarga bagi menikmati juadah nasi ayam kegemarannya.

"Dalam tempoh sebulan, ada beberapa kali saya akan datang ke sini untuk makan nasi ayam. Harga nasi ayam di sini murah dan sedap.

"Walaupun keadaan di sini tidak begitu selesa jika dibandingkan dengan medan selera di pusat beli-belah yang mempunyai penghawa dingin tetapi saya rasa 'okay' saja," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, keadaan medan selera itu sendiri

adalah antara faktor penting yang dinilai sebelum membuat keputusan menjamu selera.

"Setiap kali keluar makan sama ada dengan ahli keluarga atau rakan, saya akan lihat dulu keadaan sekeliling tempat makan itu sama ada bersih atau tidak.

"Kalau makanan di tempat itu dikatakan sedap sekalipun tetapi kotor, saya tidak pilih untuk makan di situ kerana faktor kebersihan adalah penting," katanya yang juga penjawat awam.

Seorang lagi pengunjung, Zul Zamani Zulazmi, 30, berkata, dia kerap ber-

kunjung di Medan Selera Seksyen 14 kerana ia terletak berhampiran dengan pejabatnya.

"Kedai makanan di sini sangat murah dan sedap. Di sini, saya boleh makan lauk bagi nasi campur bawah RM10 berbanding di tempat lain.

"Setiap kali bekerja, memang saya akan datang sini makan dengan rakan. Jadi saya sudah selesa dengan keadaan di medan selera ini," katanya yang bekerja sebagai juru video.

Menurutnya, terdapat beberapa kemudahan di medan selera itu yang perlu dibaik pulih bagi memastikan lebih ramai pe-

ngunjung datang.

"Saya tidak pernah menggunakan tandas di medan selera ini tetapi yang saya perasan lif di bangunan ini kerap rosak. Apabila nak ke medan selera kena turun naik tangga.

"Jika dilihat secara keseluruhan juga, tidak ramai gerai dalam medan selera ini yang beroperasi. Mungkin dengan inisiatif mencantikkan medan selera dan menambah baik infrastruktur akan menambah jumlah peniaga di medan selera ini.

"Ia sekali gus membolehkan pengunjung mempunyai lebih banyak pilihan makanan berbanding ketika ini yang dilihat agak terhad," katanya.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro di medan selera berkenaan mendapati hanya kira-kira 12 gerai yang beroperasi dengan puluhan lagi gerai tutup.

"Walaupun keadaan di sini tidak begitu selesa jika dibandingkan dengan medan selera di pusat beli-belah yang mempunyai penghawa dingin tetapi saya rasa 'okay' saja"

Puteri Nor Athirah Mohd Alias

HARIAN METRO
Tarikh: 04 NOV 2024

Bersama-sama jaga kemudahan gerai ^{u/m}

Kuala Lumpur: Usaha menambah baik gerai dan warung memerlukan kerjasama antara kerajaan negeri dengan peniaga bagi menarik jumlah pengunjung.

Persatuan Peniaga Bumiputera Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, pihaknya menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk semua kerajaan negeri mencantikkan gerai serta warung.

"Namun usaha itu memerlukan kerjasama kedua-dua pihak dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) menyediakan tempat yang selesa kepada peniaga serta kemudahan lengkap.

"Pada masa sama, peniaga pula kena memastikan makanan disediakan mempunyai rasa sedap yang konsisten supaya ada

pembeli tetap kerap berkunjung ke tempat mereka," katanya ketika dihubungi semalam.

Rosli berkata, berdasarkan pemerhatiannya, lebih ramai orang memilih untuk makan di medan selera kerana harga lebih murah serta sedap.

"Ada juga medan selera di Kuala Lumpur yang saya lihat, tiada pengunjung kerana tiada tarikan sekali gus menyebabkan kawasan itu seolah-olah 'mati'.

"Jika keadaan di medan selera serta gerai tepi jalan dapat dicantikkan, ia akan memberi manfaat kepada rakyat sama ada peniaga mahupun pengunjung," katanya.

Selain itu, beliau turut mengingatkan pengunjung supaya bersama-sama menjaga kemudahan di gerai makan dan medan selera untuk kegunaan bersama.

'Lembah Klang tenggelam jika 4 juta meter padu air tidak dilencongkan'

Kuala Lumpur: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melencongkan lebih empat juta meter padu air ketika insiden banjir kilat yang menyaksikan ibu kota lumpuh pada 15 Oktober lalu.

Tiga sistem takungan air di Lembah Klang ketika itu berupaya 'menampung' air sehingga lebih empat juta meter padu air membabitkan takungan di Lencongan Gombak dan Lencongan Keroh, yang menampung air dari Sungai Gombak dan Sungai Keroh, di sini.

Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS, Amiruddin Alaldin, berkata selain itu,

Terowong Jalan Raya Dan Pengurusan Air Banjir atau Terowong SMART turut menyimpan 2.45 juta meter padu air pada 15 Oktober lalu.

"Jika lebih empat juta meter padu air ini tidak 'dibawa' pergi (dilencongkan), Lembah Klang akan tenggelam seperti mana banjir buruk yang berlaku pada 2007 iaitu sebelum Terowong SMART beroperasi," katanya kepada BH.

Beliau berkata, empat juta meter padu air yang 'diselamatkan' daripada menenggelamkan Lembah Klang itu ada-

lah seperti sebanyak 1,616 kolam renang bersaiz Olimpik.

"Insiden banjir kilat yang melanda Lembah Klang baru-baru ini adalah kerana taburan hujan yang diterima berada dalam kategori sangat lebat dengan sembilan stesen hujan di Kuala Lumpur merekodkan bacaan melebihi 60 milimeter (mm) per jam bagi tempoh antara jam 9 pagi hingga 10 pagi.

"Ia adalah akibat peralihan monsun yang menyaksikan ketidakpastian cuaca di mana hujan akan berlaku dengan lebat tapi dalam tempoh masa sekejap dengan rekod tertinggi

dicatatkan adalah di stesen hujan Sungai Bunus di Jalan Tun Razak iaitu 113.5mm sejam pada jam 9 pagi hingga 10 pagi.

"Jika lebih empat juta meter padu air ini tidak 'dibawa' pergi (dilencongkan), Lembah Klang akan tenggelam seperti mana banjir buruk yang berlaku pada 2007 iaitu sebelum Terowong SMART beroperasi," katanya kepada BH.

Beliau berkata, banjir kilat di Lembah Klang boleh berlaku disebabkan dua faktor iaitu limpahan air sungai ataupun disebabkan oleh masalah di sistem saliran.

Jika lebih empat juta meter padu air tidak 'dibawa' pergi (dilencongkan), Lembah Klang akan tenggelam seperti mana banjir buruk yang berlaku pada 2007 iaitu sebelum Terowong SMART beroperasi.



Amiruddin Alaldin,
Timbalan Ketua
Pengarah
(Sektor Bisnes) JPS

BERITA HARIAN
Tarikh 04 NOV 2024

JPS guna strategi baharu bina takungan air bawah tanah

Langkah bagi kurangkan impak banjir kilat sekitar Lembah Klang

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menggunakan strategi baharu dalam usaha tebatan banjir di Lembah Klang menerusi pembinaan takungan air bawah tanah.

Usaha berkenaan bertujuan mengurangkan impak banjir kepada warga kota dan sekitarnya berikutan kawasan yang ada untuk membina kolam takungan banjir adalah terhad di Lembah Klang.

Sehingga ini, sebuah projek kolam takungan banjir bawah tanah sedang dibina di bawah padang Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di sini manakala sebuah lagi dalam proses reka bentuk di Sungai Kuyuh, Seri Kembangan.

Projek di PULAPOL itu memabitkan kos RM30 juta.

Apabila siap dan beroperasi pada tahun depan, ia akan berupaya mengurangkan impak banjir kilat akibat limpahan air sungai, khususnya di Lembah Klang kerana berupaya menampung limpahan air dari Sungai Bunus.

Kaedah operasi kolam takungan itu sama seperti kolam ta-



Projek penyimpanan air bawah tanah yang sedang dibangunkan JPS di PULAPOL.

(Foto ihsan JPS)

Eksklusif

kungan banjir di permukaan yang mana berfungsi untuk mengumpulkan air hujan sebelum dialirkan ke sungai mengikut prosedur operasi standard.

Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS, Amiruddin Alaldin berkata selain itu, sebuah lagi projek menggunakan kaedah sama akan dibangunkan di Sungai Kuyuh, Seri Kembangan yang kini baharu di peringkat reka bentuk.

Mengulas lanjut katanya, bagi pembinaan projek di PULAPOL, kolam penyimpanan air di bawah tanah itu mempunyai kapasiti simpanan sebanyak 109,000 meter padu air dengan keluasan 10,155 meter persegi.

"Pendekatan ini kita sudah kita guna pakai ketika pembinaan Terowong Jalan Raya Dan Pengurusan Air Banjir (SMART) pada 2007 dan untuk projek kali ini ia menggunakan keseluruhan tenaga pakar tempatan.

"Penggunaan sistem takungan dan pam adalah sama, ia berfungsi untuk mengurangkan kemuncak banjir dan ketinggian air," katanya kepada BH.

Bulan lalu, beberapa kawasan di Lembah Klang dinalki air akibat banjir kilat selain tanah run-

tuh di Taman Melawati, selain penutupan Lebuh raya SMART sebagai persediaan operasi banjir.

Antara kawasan yang terjejas akibat banjir di ibu negara adalah kawasan sekitar Parlimen termasuk Jalan Parlimen menuju ke Bukit Aman (Kuala Lumpur), susur Jalan Duta dan Jalan Sultan Abdul Halim, kampus Universiti Malaya, Wisma Central dan Sekolah Kebangsaan Padang Jawa, Shah Alam.

Kurangkan limpahan air

Amiruddin berkata peranan kolam takungan banjir atau penyimpanan air adalah sangat penting dalam mengatasi masalah banjir.

Katanya, kolam takungan air berupaya membantu mengurang-

kan limpahan air dari sungai atau hujan sehingga 40 peratus sewaktu kejadian hujan lebat.

"Contoh kita lihat Putrajaya yang dibangunkan melalui pendekatan bandar moden yang serap air dan kurang berlaku banjir kerana banyak tasik, kolam dan taman yang mampu menyimpan dan menyerap air.

"Namun di Lembah Klang, kawasan lapang semakin berkurangan dan tiada ruang untuk membina kolam takungan banjir di permukaan.

"Justeru strategi seterusnya adalah dengan membina lebih banyak lokasi penyimpanan air di bawah tanah," katanya.

Di Lembah Klang, ada 33 kolam takungan banjir, dengan 18 diselenggara oleh JPS manakala 15 lagi diselia oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Katanya, pembinaan kolam penyimpanan air di bawah tanah dilihat paling relevan pada masa ini berbanding melaksanakan kerja pelebaran sungai dalam mengatasi banjir terutama di Lembah Klang.

Pada Jun 2022, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata DBKL bercadang membina ruang takungan air bawah tanah sebagai persediaan jangka panjang untuk berdepan risiko cuaca ekstrem di ibu negara menjelang 10 tahun akan datang.

Katanya, cadangan itu alternatif kepada kolam takungan air sedia ada yang dibina di permukaan tanah yang sering dilaporkan mencapai kapasiti maksimum ketika hujan lebat berterusan.